



Ruj Kami : JANM.BPOPA.600-2/2/3 JLD.2(40)  
Tarikh : 23 September 2021

**Semua Ketua Akauntan Kementerian**  
**Semua Pengarah Negeri dan Cawangan Jabatan Akauntan Negara Malaysia**

Tuan/ Puan,

**PENYERAHAN KERTAS KERJA SOKONGAN DAN SIJIL PENGESAHAN BAKI  
PENUTUPAN AKAUN KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN KEWANGAN 2021**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Penutupan Akaun Interim Kerajaan Persekutuan bagi Tahun Kewangan 2021 adalah pada 30 September 2021 dan Penutupan Akaun Akhir Kerajaan Persekutuan bagi Tahun Kewangan 2021 adalah pada 31 Disember 2021. Bagi memastikan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun Kewangan 2021 disediakan mengikut tarikh yang ditetapkan, Ketua Akauntan dan Pengarah Negeri / Cawangan hendaklah mengambil perhatian ke atas perkara seperti berikut:

- (a) Mematuhi tarikh Penutupan Akaun yang telah ditetapkan;
- (b) Menyediakan Kertas Kerja Sokongan berdasarkan lejar tunai mengikut Garis Panduan Penyediaan dan Penyerahan Kertas Kerja Sokongan yang disertakan bersama surat ini;
- (c) Memastikan semua dokumen kewangan yang diperlukan bagi tujuan pengauditan diserahkan kepada wakil Ketua Audit Negara masing-masing dengan lengkap dan sempurna; dan
- (d) Memastikan Kertas Kerja Sokongan berserta surat litup dikemukakan kepada BPOPA sebanyak satu salinan dan sesalinan surat litup kepada BPOPP selewat-lewatnya 22 Oktober 2021 (Jumaat) bagi Penutupan Interim dan 18 Februari 2022 (Jumaat) bagi Penutupan Akhir.

3. Kertas Kerja Sokongan yang disediakan hendaklah mematuhi format yang telah ditetapkan serta disahkan dan ditandatangani oleh Ketua Akauntan Kementerian dan Pengarah Negeri/Cawangan. Format Kertas Kerja Sokongan tersebut boleh dimuat turun melalui laman web Jabatan Akauntan Negara Malaysia di <http://www.anm.gov.my>.

4. Perhatian dan kerjasama tuan/puan untuk mematuhi garis panduan yang ditetapkan amatlah dihargai bagi memastikan Penutupan Akaun Kerajaan Persekutuan Tahun Kewangan 2021 berjalan dengan lancar dan teratur.

Sekian, terima kasih.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

***"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"***

Saya yang menjalankan amanah,



**(MOHD REDZUAN BIN HASAN C.A.(M))**  
Timbalan Akauntan Negara (Operasi)

s.k :

P BPOPA

P BPOPP